

26 JAN 2003

Mahathir-Umno/I

KESANGGUPAN TAK BERTANDING MUDAHKAN PAK LAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyambut baik keputusan beberapa pemimpin Umno untuk berundur dan tidak bertanding dalam pilihan raya umum akan datang kerana ini akan memberi peluang kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, untuk "mengatur semula segala-galanya".

"Saya rasa ia akan memberi peluang kepada Pak Lah mengatur semula segala-segalanya. Pertama (kerana) sesetengah daripada kita telah berada sekian lamanya, ada yang sama tempoh seperti sejak saya menjadi Perdana Menteri dan dilantik oleh saya.

"Jadi, saya berpendapat Pak Lah harus diberi peluang membuat pelantikannya sendiri," katanya kepada pemberita di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang sebaik pulang dari lawatan kerja ke luar negara.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob pada Rabu lepas bahawa beliau dan semua anggota exco kerajaan negeri itu sanggup untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata : "Baguslah jika semua orang berhenti...dan kemudian (disambut gelak ketawa mereka yang hadir)...saya serius, jika kita semua berhenti dan kita lihat siapa yang akan dilantik.

"Jadi, kita tidak boleh anggap sesuatu jawatan itu hak milik kita selama-lamanya," katanya.

Dr Mahathir telah mengumumkan hasrat untuk berundur selepas sidang kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam di sini Oktober ini, dan telah menamakan Abdullah sebagai pengganti beliau. Abdullah dan beberapa menteri kabinet turut hadir pada sidang media hari ini.

Kepada soalan sama ada Badan Perhubungan Umno di negeri-negeri lain akan disusun semula seperti yang dilakukan di Kelantan, Dr Mahathir berkata: "Kita belum tahu lagi, kita belum terima maklumat."

Pdaa 16 Jan lepas, Dr Mahathir telah mengumumkan pelantikan peguam dan Ketua Umno Bahagian Kota Baharu, Zaid Ibrahim, sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, menggantikan bekas menteri pusat, Datuk Annuar Musa. manakala Datuk Mustapa Mohamed kekal sebagai pengerusi.

-- BERNAMA

HS RV JK MAI